

Hapuskan kasta pendidikan prasekolah, seragamkan kurikulum

Oleh Berita Harian-Suzalina Halid dan Mohd Nasaruddin Parzi - Mei 1, 2026 @ 4:19pm



Peserta yang hadir pada Kongres Pendidikan Bumiputera sempena Sambutan Ulang Tahun UMNO ke-80, di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), hari ini. Foto BERNAMA

Kongres Pendidikan Bumiputera mencadangkan supaya kasta pendidikan di peringkat prasekolah dihapuskan melalui penyeragaman kurikulum bagi semua institusi prasekolah kerajaan dan swasta. Pemangku Naib Canselor Universiti Segi, Prof Datin Dr Mariani Md Nor berkata, langkah ini penting kerana terdapat pelbagai jenis tadika seperti KEMAS, Perpaduan dan tadika swasta yang menggunakan kurikulum berbeza. Menurut beliau, usaha menyeragamkan kurikulum prasekolah sebenarnya telah dimulakan sejak tahun 2000, namun masih belum berjaya dilaksanakan sepenuhnya kerana setiap institusi mahu menggunakan pendekatan sendiri.

Selain itu, kongres turut mencadangkan supaya martabat guru prasekolah diangkat sebagai profesion rasmi dan profesional, setanding dengan negara maju. Antara resolusi lain ialah pelaksanaan latihan kompetensi guru secara berterusan, pengukuhan sokongan ibu bapa dan komuniti, serta memperbaiki sistem intervensi awal bagi membantu kanak-kanak yang memerlukan perhatian khas. Kongres juga menekankan penggunaan teknologi dalam pendidikan melalui pendekatan pembelajaran moden tanpa menyebabkankan ketagihan gajet, di samping menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih berkualiti dan inklusif untuk kanak-kanak.